

Headline	Jangan ambil mudah UPSR		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	429 cm ²
Journalist	upen@bh.com.my Oleh Muhd Fakhri Alias	AdValue	RM 14,788
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,364



Anuar (kiri) dan Muhamad Zaki (dua dari kiri) beramah mesra dengan peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 di SMK Sultan Yahya Petra, Kuala Krai.



Oleh Muhd Fakhri Alias
open@bh.com.my

Kuala Krai

Calon Ujian Pencairan Sekolah Rendah (UPSR) mesti mengulang kaji secara berterusan, termasuk memanfaatkan cuti persekolahan.

Timbalan Pengarang Tabung Haji (TH) Kelantan, Muhamad Zaki Bajuri, berkata ini bagi memastikan kelancaran persediaan mereka menghadapi peperiksaan itu pada September ini.

Katanya, kejayaan dalam peperiksaan UPSR adalah penting untuk menentukan hala tuju pelajar ke sekolah

menengah, tahun depan.
Pencapaian akan menentukan hala tuju calon ke sekolah menengah berprestij

“Ia adalah penentu bagi calon melangkah ke peringkat pendidikan menengah, sama ada di sekolah yang berprestij atau sekolah biasa.

Gandakan usaha
“Jangan ambil mudah kerana peluang memasuki sekolah berprestij adalah sangat terhad berikutkan ribuan calon turut bersaing untuk merebut tempat di sekolah terbaik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penyampaian sijil penyertaan Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Yahya Petra di Kuala Krai, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Krai, Anuar Mamat.

Kira-kira 250 calon UPSR dari 30 sekolah rendah sekitar daerah ini menyertai seminar berkenaan yang dianjurkan oleh Kelab TaHa TH dengan kerjasama BH.

Ketika cuti persekolahan, Muhamad Zaki berkata, calon mempunyai kelebihan dari segi masa untuk melipatgandakan usaha dengan membuat ulang kaji secara berterusan, termasuk menghadiri seminar bimbingan peperiksaan.

Beliau berkata, Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 antara kesempatan terbaik untuk mereka menimba lebih banyak ilmu dan memperoleh tip menjawab soalan pepe-

riksaan dengan berkesan.

“Gunakan peluang sebaik-baiknya dengan memberi sepenuh fokus kepada panduan dan tip disediakan oleh barisan penceramah yang berpengalaman,” katanya.

SYARIKAT ATAU PERTUBUHAN YANG INGIN MENAJA SEMINAR BIMBINGAN PEPERIKSAAN BH BOLEH MENGHUBUNGKAN 03-2056 9780 (MOHD FEROZ) DAN 03-2056 9368 (MUHD FAKHRI)